

KAEDAH PENGAJIAN TAFSIR AL-QURAN DI MALAYSIA: SOROTAN LITERATUR DARI 2018-2023**METHODS OF QURANIC INTERPRETATION STUDY IN MALAYSIA: LITERATURE REVIEW FROM 2018-2023**Nabilah Husna Ikhsan^{1*}, Haziyah Hussin²¹ Pelajar Sarjana Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia, p117195@siswa.ukm.edu.my.² Profesor Madya Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia, haziyah@ukm.edu.my.

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 18 Julai 2023

| Selepas Pembedaan: 6 Okt 2023

| Diterima untuk terbit: 10 Nov 2023

Abstrak

Sebelum abad ke-20, pengajian tafsir telah dijalankan di rumah tuan guru, pondok, masjid dan surau. Kemudian, ia semakin berkembang dengan lebih pesat selepas pertengahan abad ke-20 apabila diajar di sekolah dan madrasah seterusnya di institusi pengajian tinggi. Pembelajaran tafsir terus giat dijalankan di institusi-institusi tersebut dan kini dilaksanakan juga melalui media baharu untuk memberi ilmu dan kefahaman kepada masyarakat mengenai tafsir al-Quran. Seiring perkembangan pengajian tafsir di Malaysia ini, kaedah pengajaran dan pembelajaran tafsir telah melalui perubahan dan kepelbagaian. Namun, kaedah pengajaran dan pembelajaran perlu diteliti dengan baik untuk mewujudkan pengajian tafsir yang berkesan. Oleh itu, kajian ini bertujuan menyoroti kaedah pengajian tafsir yang dijalankan oleh institusi-institusi di Malaysia. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan metode analisis kandungan terhadap literatur dalam tempoh 2018 sehingga 2023. Data kemudian dianalisis secara deskriptif bertema dengan menggunakan dua tema iaitu pengajian tafsir di institusi bukan formal dan pengajian tafsir di institusi formal. Kajian merumuskan bahawa kaedah pengajaran di institusi bukan formal masih menggunakan pendekatan tradisional seperti talaqqi dan syarahan. Manakala institusi formal menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang terancang mengikut sistem pendidikan semasa. Justeru, kajian ini diharapkan dapat membantu perkembangan kajian lanjut yang berkaitan bidang pengajian al-Quran khususnya tafsir.

Kata kunci

Kaedah pengajian tafsir, pengajian tafsir, pusat pembelajaran tafsir, tafsir al-Quran, tafsir media baharu.

Abstract

Tafsir study were carried out in tuan guru houses, pondok, mosques, and surau prior to the 20th century. After the middle of the 20th century, it expanded more quickly when it was taught in schools and madrasahs then in higher education institutions. In order to educate the public about tafsir al-Quran, tafsir study are still being pursued in these institutes and are now also applied through new media. Tafsir teaching and learning methodologies have changed and become more varied as tafsir study have grown in Malaysia. However, in order to held a

successful tafsir study, teaching and learning techniques must be thoroughly investigated. The purpose of this study is to highlight the tafsir study methodologies used by Malaysian institutions. The literature from 2018 to 2023 was analyzed using a descriptive content analysis method in a qualitative design for this study. The methodologies of tafsir study in formal institutions and the methodologies of tafsir study in non-formal institutions are the two themes used in the descriptive thematic analysis of the data. The study comes to the conclusion that traditional teaching methods like talaqqi and lectures are still used in non-formal institutions. While formal institutions employ teaching and learning strategies that are prepared in accordance with the existing educational system. Thus, it is anticipated that this work will contribute to the advancement of future research in the field of al-Quran studies, particularly tafsir.

Keywords

Tafsir study methodology, tafsir study, tafsir learning center, tafsir al-Quran, tafsir in new media.

1.0 Pengenalan

Pengajian tafsir ialah pengajaran dan pembelajaran untuk memahami makna ayat-ayat al-Quran dengan topik Ulum Quran tertentu sebagai ilmu yang membantu untuk menghayati kandungan al-Quran dengan baik (Haziyah & Latifah, 2013; Ismail Yusoff, 1995). Pengajian tafsir al-Quran di Malaysia telah menunjukkan perkembangan yang baik dari sudut pelaksanaannya di institusi formal dan bukan formal.

Pembelajaran formal ialah pembelajaran bersistem yang mempunyai pendidikan formal bermula prasekolah sehingga pengajian siswazah (Schugurensky, 2000). Ia memiliki kurikulum yang wajib dilaksanakan di bawah persetujuan bersama Kementerian Pelajaran Malaysia. Ia perlu mempunyai objektif terancang, penilaian, guru yang diperakui serta aktiviti yang diselia kerajaan (Najihah, t.th.). Institusi yang menjalankan pembelajaran formal ini ialah sekolah-sekolah serta institusi pengajian tinggi dan dikenali sebagai institusi formal.

Manakala institusi bukan formal pula ialah institusi yang menjalankan program pendidikan di luar sistem pendidikan formal dan kebiasaannya dalam jangka masa pendek dan secara sukarela (Schugurensky, 2000). Bagi pengajian tafsir, institusi formal yang menjalankan pengajian tafsir ialah sekolah dan institusi pengajian tinggi. Manakala institusi bukan formal terdiri daripada pondok, masjid dan pusat pembelajaran umum (Haziq & Abdul Hafiz, 2020b).

Sebelum abad ke-20, pengajian al-Quran seperti tilawah telah dijalankan di rumah-rumah guru, surau dan masjid manakala bagi pengajian tafsir telah dilakukan secara tidak langsung dan tidak rasmi. Perkembangan pengajian tafsir yang rasmi di Malaysia didapati bermula pada pertengahan abad ke-20. Pondok merupakan institusi terawal yang menjalankan pengajian tafsir di Malaysia. Kemudian disusuli masjid yang mengadakan pengajian tafsir secara terbuka kepada masyarakat awam. Setiap masjid kerajaan akan disediakan guru takmir yang mengajar pengajian tafsir (Zalina, 2010) Seterusnya, ia turut dilaksanakan di sekolah dan institusi pengajian tinggi dengan sukatan pelajaran tertentu. Secara berperingkat, kurikulum pengajian al-Quran di kedua-dua institusi formal ini ditambah baik mengikut keperluan semasa pelajar (Ismail Awang, 1983).

Kini, arus digital pula telah membawa pengajian tafsir ke satu tahap yang baharu. Pengajian tafsir menggunakan media baharu telah dimanfaatkan oleh

individu mahupun institusi tertentu dalam menyampaikan kefahaman kandungan al-Quran kepada masyarakat. Tafsir di dalam media baharu mengandungi penerangan ayat-ayat al-Quran yang dimuat naik dalam bentuk elektronik dan ia perlu diakses melalui alat elektronik seperti telefon pintar dan komputer dengan capaian internet (Roudlotul & Ali Hamdan, 2021; Syarif, 2022). Antara media baharu yang digunakan masyarakat adalah media sosial dan laman web seperti blog, Instagram, Youtube dan Facebook (Monika & Zaim, 2017). Bidang tafsir yang sebelumnya bersifat eksklusif kepada golongan yang mempelajari tafsir sahaja kini telah menjadi inklusif dan terbuka kepada masyarakat selepas berlaku digitalisasi tafsir (Nafiisatuzzahro', 2018).

Seiring perkembangan pengajian tafsir ini, pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran telah diaplikasikan oleh institusi-institusi di Malaysia. Antara kaedah pengajian tafsir yang dijalankan di institusi bukan formal ialah kaedah tradisional seperti talaqqi dan bacaan teks Haziq & Abdul Hafiz (2021b). Selain itu dijalankan juga kaedah tafaqquh, itqan, munazarah dan mujadalah (Nurzatil et al., 2021). Manakala bagi institusi formal, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan ialah mencatat isi penting di atas papan tulis, penyampaian kuliah dan soal jawab selain turut dijalankan inovasi yang menarik minat pelajar seperti aktiviti lakonan, wayang kulit, multimedia, muzik dan *choral speaking* (Norullisza et al., 2018; Wan Nasyrudin et al., 2020). Selain itu, kaedah pemusatan guru, pelajar dan bahan turut menjadi kaedah penting yang digunakan di institusi formal (Aznil et al., 2018).

Menurut Monika & Zaim (2017), usaha-usaha membawa masyarakat kepada al-Quran sentiasa memerlukan penambahbaikan dari sudut kesesuaian pengajaran dan pembelajaran mengikut zaman. Hal ini disokong dengan kajian Wan Nasyrudin et al. (2020); Yuyun et al. (2022) yang menyatakan bahawa kefahaman tentang tafsir al-Quran memerlukan pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dengan pendekatan kreatif dan inovatif daripada guru tafsir. Maka pentingnya pelaksanaan kaedah yang baik bagi pengajian tafsir untuk menyampaikan kefahaman kandungan al-Quran dengan berkesan. Oleh itu, kajian ini akan menyoroti pelaksanaan pengajian tafsir di institusi formal dan bukan formal di Malaysia dan menganalisis kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Jurang-jurang daripada analisis sorotan kajian mengenai pengajian tafsir ini akan dikenal pasti.

2.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan metode analisis kandungan secara deskriptif. Data dikumpul melalui analisis kandungan daripada bahan rujukan seperti artikel jurnal dan bab dalam buku mengenai tradisi pengajian tafsir melalui institusi-institusi di Malaysia. Carian bagi kajian ini menggunakan pangkalan data *Google Scholar* dan *Academia.edu*. Pemilihan pangkalan data *Google Scholar* adalah kerana ia merupakan pangkalan data yang umum digunakan oleh penyelidik selain ia mempunyai kekuatan dan kemudahan dari sudut liputan dan kebolehan carian (Hayrol Azril et al., 2021). Manakala *Academia.edu* pula adalah pangkalan data yang menyediakan akses kepada artikel untuk penggunaan bahan yang berguna dan efektif (Sachinkumar, 2015). Pencarian bahan dilakukan dengan kata kunci "institusi" AND "pengajian tafsir" AND "al-Quran" AND "Malaysia" bagi kajian dalam tempoh 2018 hingga 2023. Limitasi carian ini terhad kepada makalah dalam Bahasa Melayu sahaja. Sebanyak 101 hasil carian telah ditemui di dalam *Google Scholar* dan 70 bahan daripada *Academia.edu*. Seterusnya, semakan literatur dilakukan dengan meneliti tajuk dan abstrak yang bersesuaian dengan objektif kajian. Beberapa kriteria

pemilihan bahan telah digariskan bersesuaian dengan objektif kajian iaitu makalah yang membincangkan kaedah pengajian tafsir dan pelaksanaan pengajian tafsir di institusi. Tapisan literatur dilakukan dengan semakan bahan yang berulang dan mengecualikan literatur yang tidak menepati objektif kajian. Hasil daripada tapisan menemui sebanyak 9 literatur yang bersesuaian.

3.0 Dapatan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menyoroti kajian-kajian lepas mengenai bentuk-bentuk pengajian tafsir yang dijalankan di Malaysia. Sebanyak 9 kajian lepas yang menepati objektif telah ditemui. Analisis sorotan literatur menemukan dua tema iaitu pengajian tafsir di institusi bukan formal yang terdiri daripada pondok dan masjid serta tema pengajian tafsir di institusi formal iaitu sekolah dan institusi pengajian tinggi. Jadual 1 di bawah menjelaskan dapatan sorotan tradisi pengajian tafsir di institusi-institusi tersebut.

Jadual 1 : Sorotan Kajian Tradisi Pengajian Tafsir di Malaysia

Bil	Penulis	Tajuk	Metode	Kajian Institusi	Dapatan Kajian
1	Mohammad Haziq Mohd Isnin & Abdul Hafiz Abdullah (2021)	Pengajian Tafsir al-Quran di Masjid Negeri Johor dalam Membentuk Peribadi Umat Islam	Kualitatif	Masjid	Metodologi pengajian tafsir al-Quran di Masjid Sultan Abu Bakar dan Masjid Jamek Bandar Baru Uda Johor Bharu adalah secara bertalaqqi dengan bacaan teks dan penyampaian umum. Guru akan menghuraikan kitab pengajian dan pelajar menyemak atau mencatat nota. Guru tidak terikat dengan mana-mana kitab tafsir namun masih mengekalkan rujukan kitab yang muktabar. Guru tafsir adalah daripada guru takmir dan turut menjemput guru luar.
2	Mohammad Haziq Mohd Isnin & Abdul Hafiz Abdullah (2021)	Pendidikan Pengajian Tafsir al-Quran di Institusi Pondok dan Masjid Negeri Johor Terhadap Pembangunan	Kualitatif	Pondok dan Masjid	Pengajian tafsir dijalankan dalam bentuk moden dan tradisional. Ia mempunyai modul khusus dan dijalankan dua kali sebulan secara

		Modal Insan Cemerlang.			terbuka kepada masyarakat. Sukatan pengajian ditentukan oleh guru yang mengajar. Pelajar akan membuat persediaan awal dan mencatat nota.
3	Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Siti Musrsyidah Mohd Zain & Nur Fatimah Zainuddin (2021)	Metode Pengajian Tafsir al-Quran Institusi Pondok Malaysia	Kualitatif	Pondok	Terdapat lima kaedah pengajaran dalam pengajian tafsir iaitu kaedah talaqqi, tafaqquh, itqan, munazarah dan mujadalah. Kaedah talaqqi, tafaqquh dan itqan dijalankan secara langsung dalam pengajian pondok manakala kaedah munazarah dan mujadalah berlaku secara tidak langsung.
4	Mohammad Haziq Mohd Isnin, & Abdul Hafiz Abdullah (2020)	Pendidikan Pondok Sebagai Sebuah Institusi Pengajian Tafsir al-Quran di Negeri Johor	Kualitatif	Pondok	Pengajian tafsir al-Quran di pondok Kiyai Haji Solihin menggunakan pendekatan tafsir maudu'i dan tafsir ijmal. Manakala pondok Madrasah Ibnu Mas'ud menggunakan pendekatan tahlili.
5	Mohammad Haziq Mohd Isnin, & Abdul Hafiz Abdullah (2020)	Metodologi Pengajian Tafsir al-Quran di Pondok Kiyai Haji Solihin (KHSS), Merlong, Rengit, Batu Pahat, Johor	Kualitatif	Pondok	Kaedah pengajian yang digunakan di Pondok KHSS adalah kaedah tradisional dengan sistem halaqah dan menadah kitab dengan aplikasi pendekatan tafsir maudu'i dan tafsir ijmal. Penggunaan bahasa yang mudah di pondok ini menyebabkan masyarakat berminat

untuk menyertai pengajian tafsir. Bahasa pengantar yang digunakan oleh Kiyai Haji Sohali Solihin adalah bahasa Melayu dengan sedikit dialek Jawa atas faktor keturunan dan penduduk sekitar. Tiada sukatan pelajaran yang khusus bagi pengajian tafsir di pondok ini manakala kitab rujukan utama yang digunakan bertajuk 'surah-surah amalan'. Namun, kiyai tidak mengkhususkan kitab tafsir tertentu dalam kuliah tafsir beliau.

6	Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Bunyamin Abdul Rahman, Haziyah Hussin & Hamdi Ishak (2020)	Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran di Tafsir di Universiti Kebangsaan Malaysia.	Kuantitatif	Institusi Pengajian Tinggi	Kaedah pengajaran dan pembelajaran tafsir yang popular di JPQS UKM ialah kaedah mencatat isi penting dan menggunakan papan tulis, penyampaian ilmu secara lisan, penyampaian kuliah dengan penerangan yang jelas serta kaedah bercerita dan kaedah soal jawab. Manakala PdP menggunakan kahoot, tablet dan telefon pintar kurang digunakan. Hasil kajian mendapati, persepsi pelajar yang mengikuti kursus tafsir di JPQS UKM berada di kedudukan sederhana tinggi.
---	---	--	-------------	----------------------------	---

7	Wan Fakhrol Razi Wan Mohamad, Mohd Manawi Mohd Akib & Abdul Azis Awang Kechik (2019)	Pengajian Tafsir al-Quran di Pondok Moden Bachok: Satu Tinjauan Awal.	Kualitatif	Pondok	Metode pengajian tafsir di Pondok Moden Bachok adalah dengan menggunakan kitab yang bersesuaian dengan keperluan mata pelajaran. Bagi mata pelajaran tafsir, kitab yang digunakan ialah Tafsir al-Jalalayn. Sukatan dibahagikan kepada dua mata pelajaran iaitu Tafsir 1 dan Tafsir 2. Sistem pengajian pondok ini pula mempunyai tahap pengajian yang tinggi sehingga diploma.
8	Azmil Hashim, Nazirul Izzati Ani & Mohd Marzuqi Abdul Rahim. (2018)	Strategi Pengajaran Tafsir al-Quran dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam.	Kuantitatif	Sekolah	Strategi pengajaran tafsir al-Quran oleh guru Pendidikan Islam di negeri Sabah berada pada tahap sederhana. Strategi yang digunakan ialah strategi pemusatan guru, pemusatan murid dan pemusatan bahan. Strategi yang menjadi pilihan utama guru ialah strategi pemusatan guru, seterusnya pemusatan bahan dan terakhir pemusatan murid. Namun, dapatan hubungan ketiga-tiga strategi dengan penghayatan al-Quran murid, strategi pemusatan murid mempunyai hubungan tertinggi selepas strategi pemusatan guru.

9	Norullisza Khosim, Hayati Hussin & Abdullah Salaeh (2018)	Lima Bentuk Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Tafsir Maudui'e dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM.	Kualitatif	Institusi Pengajian Tinggi	Lima bentuk inovasi yang dilaksanakan ialah lakonan, wayang kulit atau animasi, multimedia, muzik dan lirik lagu serta choral speaking.
---	---	---	------------	----------------------------	---

3.1 Kaedah Pengajian Tafsir di Institusi Bukan Formal

Sorotan literatur mendapati bahawa pengajian tafsir bukan formal berlaku di pondok dan masjid. Pondok merupakan institusi terawal yang menjalankan pengajian tafsir dan masih aktif dilaksanakan sehingga kini. Menurut Fakhru Razi et al. (2019), pondok moden mengaplikasi sistem pengajian yang berstruktur dengan sukatan pelajaran dan sistem peperiksaan. Manakala masjid pula merupakan institusi yang menjalankan pengajian tafsir sebagai salah satu usaha untuk mengimarahkan masjid. Guru bagi pengajian tafsir di masjid terdiri daripada guru takmir yang dilantik bagi menyampaikan kuliah tafsir. Dalam masa yang sama, terdapat guru jemputan dari luar untuk menyampaikan pengajian tafsir secara berkala. Sukatan pelajaran tafsir bagi pengajian ini bergantung kepada guru yang mengajar di masjid tersebut (Haziq & Abdul Hafiz, 2021b).

Di pondok, terdapat lima kaedah pembelajaran yang dikemukakan dalam kajian Nurzatil et al. (2021) iaitu kaedah talaqqi, kaedah tafaqquh, kaedah itqan, kaedah munazarah dan kaedah mujadalah. Kaedah talaqqi menuntut pengajian yang dilaksanakan secara bersemuka antara guru dan pelajar dengan membaca kitab dari kulit ke kulit. Kaedah tafaqquh ialah kaedah pelajar mendalami pengajian dengan cara berjumpa guru setelah tamat sesi pengajaran dan pembelajaran. Kaedah itqan pula adalah kaedah pelajar duduk mengelilingi guru dengan tekun mendengar penyampaian guru serta menuntut pelajar menghafal ilmu secara bergilir di hadapan guru dengan bersungguh. Manakala kaedah munazarah ialah kaedah perdebatan untuk melatih fikiran dan merangsang kemahiran penyampaian ilmu. Terakhir, kaedah mujadalah ialah kaedah soal jawab di antara dua pihak iaitu pelajar dan pembantu guru. Bentuk pengajaran dan pembelajaran tafsir di masjid pula, menurut Haziq & Abdul Hafiz (2021b) adalah dengan guru memberi huraian kitab tafsir secara bertalaqqi kemudian para pelajar mendengar, menyemak dan mencatat nota.

Dalam pengajaran tafsir di pondok, kaedah penyampaian dan pengajian tafsir menggunakan pendekatan tradisional dengan sistem halaqah dan menadah kitab (Haziq & Abdul Hafiz, 2020a). Guru-guru mempunyai pendekatan tafsir tertentu yang digunakan dalam sesi pengajiannya. Haziq & Abdul Hafiz (2020b) menyatakan bahawa pendekatan tafsir maudu'i dan tafsir ijmal digunakan di Pondok Kiyai Haji Sohali Solihin, Johor. Tafsir tahlili pula diaplikasi dalam pengajian tafsir di Pondok Moden Madrasah Ibnu Mas'ud, Johor. Pendekatan tafsir maudu'i adalah dengan menyatukan tema bagi ayat-ayat al-Quran berdasarkan kesesuaian kemudian guru mengaitkannya dengan isu semasa. Pendekatan tafsir ijmal pula diaplikasi dengan cara memperincikan huraian ayat-ayat al-Quran dengan ringkas. Manakala

pendekatan tafsir tahlili ialah pentafsiran yang dilakukan berdasarkan beberapa elemen seperti kosa kata, lafaz dan menerangkan makna kalimah secara berturutan.

Teks rujukan bagi pengajaran dan pembelajaran di pondok adalah menggunakan kitab tafsir turath (Nurzatil et al., 2021; Fakhru Razi et al., 2019). Bagi pondok moden, kitab yang digunakan adalah berdasarkan kesesuaian dan keperluan pelajar mengikut peringkat pengajian. Antara kitab tafsir yang digunakan ialah Tafsir al-Jalalayn selepas diteliti berdasarkan keperluan pengajian pelajar Pondok Moden Bachok (Fakhru Razi et al., 2019). Pengajian tafsir di masjid pula menggunakan kitab-kitab tafsir yang muktabar dan pelajar perlu memiliki kitab tersebut bagi memudahkan pembelajaran. Antara kitab tafsir yang digunakan ialah Tafsir Ibn Kathir, Tafsir Mutiara al-Quran dan Pimpinan Rahman. Metodologi pengajian yang ringan sangat sesuai untuk masyarakat setempat yang hadir ke masjid untuk berjinak mempelajari kitab tafsir lama dan moden (Haziq & Abdul Hafiz, 2021b).

Dari sudut keberkesanan pengajian, Nurzatil et al. (2021) menyatakan kaedah pengajaran tafsir yang digunakan di pondok mampu menyerlahkan kelebihan pelajar pondok apabila mereka berada di lapangan masyarakat. Selain itu, ia membantu pelajar untuk petah dalam berhujah serta memiliki ilmu yang tidak terhad dalam satu bidang sahaja. Pengajian tafsir juga dapat melahirkan pelajar yang berketerampilan serta berakhlak mulia. Bahkan sebahagian pelajar pondok yang telah tamat pengajian mula membuka kelas pengajian tafsir di masjid dan surau untuk memberi kefahaman tafsir al-Quran kepada masyarakat (Haziq & Abdul Hafiz, 2020b). Pengajian tafsir di masjid juga memberi kesan yang baik dengan melahirkan masyarakat yang berpengetahuan tinggi melalui pelbagai bidang seiring dengan akhlak yang mulia. Hal ini demikian kerana pengajian tafsir di masjid menyentuh ilmu bidang lain berdasarkan latar belakang jemaah pendengar yang berbeza serta huraian yang berkait dengan kehidupan sebagai Muslim. Selain itu, ia dapat memantapkan sistem pendidikan Islam serta dapat membentuk institusi kekeluargaan yang kukuh (Haziq & Abdul Hafiz, 2021a).

3.2 Kaedah Pengajian Tafsir di Institusi Formal

Berdasarkan kajian lepas, pengajian tafsir formal berlaku di dua institusi iaitu sekolah dan institusi pengajian tinggi. Pendekatan pengajian tafsir di institusi formal ini mempunyai sistem pendidikan yang tersusun dan terancang. Pengajian tafsir di peringkat sekolah menengah termasuk dalam sukatan tilawah al-Quran bagi subjek Pendidikan Islam dan sukatan pengajian al-Quran bagi subjek Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah (PQS). Strategi pengajaran bagi pengajian tafsir yang digunakan di dalam bilik darjah adalah strategi pemusatan guru, pemusatan pelajar dan pemusatan bahan (Azmi et al., 2018). Keutamaan di antara tiga strategi ini untuk diaplikasi adalah bergantung kepada keperluan dan situasi sekolah.

Manakala kaedah pengajaran pembelajaran yang diterima oleh pelajar bagi kursus tafsir ialah penyampaian ilmu secara lisan, penyampaian kuliah dengan penerangan jelas, bercerita disebalik surah atau ayat, kaedah perbincangan atau diskusi, soal jawab, kerja berkumpulan dalam kelas, penggunaan nota ringkas dalam pdp, terjemahan ayat dalam surah, blended learning dan menyampaikan maklumat menggunakan powerpoint yang meningkatkan minat pelajar untuk mendalami ilmu tafsir (Nasyrudin et al., 2020). Menurut Norullisza et al. (2018) inovasi pengajaran tafsir juga digunakan bagi memudahkan pelajar memahami kursus tafsir maudu'i seperti lakonan, wayang kulit atau animasi, multimedia, muzik dan lirik lagu, dan *choral speaking*.

4.0 Perbincangan

Sorotan literatur mendapati tradisi pengajian tafsir di institusi bukan formal masih mengekalkan pendekatan tradisional. Menurut Ismail Yusoff (1995), pengajian tafsir al-Quran di pondok menggunakan metode halaqah. Metode ini berjalan dalam bentuk pelajar duduk bersila mengelilingi guru dalam bulatan atau separa bulatan. Kemudian, guru membacakan kitab dari baris ke baris dari awal hingga akhir. Guru juga memberi penerangan ringkas dan pelajar akan mencatat di tepi kitab supaya catatan itu boleh dirujuk semula (Omar, 2006). Adakalanya kitab yang sama diajar berulang kali kepada pelajar untuk memantapkan kefahaman mereka terhadap kandungan kitab selain disebabkan ada murid lama dan baru dan juga ada murid tua dan muda (Ismail Awang, 1983; Omar, 2006). Sistem pengajian tradisional pondok sebegini masih diaplikasi sehingga kini. Walaupun menurut Fakhru Razi et al. (2019) pondok moden mempunyai sistem pembelajaran berstruktur dengan sistem peperiksaan dan sukatan pelajaran, ia juga masih tidak lari daripada konteks nizami yang dikemukakan Omar (2006) iaitu sistem pondok yang menjalankan peperiksaan dan memperoleh sijil sebagai pengesahan kelulusan. Selain itu, terdapat kaedah pembelajaran tafsir di pondok yang boleh diteroka dengan lebih mendalam. Umumnya, kaedah pengajaran yang digunakan di dalam sistem pondok ini adalah secara talaqqi. Namun, kaedah pengajaran dan pembelajaran di pondok ini telah terdapat pembaharuan dengan kajian Nurzatil et al. (2021) yang mengemukakan kaedah pembelajaran selain talaqqi iaitu tafaqquh, itqan, munazarah dan mujadalah.

Demikian juga pengajian tafsir di masjid, pendekatan pengajaran yang digunakan masih mengekalkan pendekatan tradisional. Berdasarkan kajian Zalina (2010) bentuk pengajaran tafsir oleh guru adalah dengan pembacaan teks dan syarahan. Kebiasaan pengajian dilaksanakan selepas solat dengan guru duduk di hadapan jemaah pendengar, kemudian guru akan memilih satu atau beberapa kitab tafsir sebagai rujukan dan panduan pembacaan untuk pengajian (Norakyairee, 2006). Menurut Noor Najihan & Norakyairee (2014) kaedah pengajaran tafsir di masjid dengan syarahan dapat memberi kefahaman kepada jemaah pendengar. Namun terdapat segelintir jemaah yang tidak bersetuju dengan kaedah tersebut kerana ia tidak mengikut arus semasa. Permasalahan ini belum ada penyelesaian kerana berdasarkan kajian Haziq & Abdul Hafiz (2021b), bentuk pengajaran dan pembelajaran di masjid adalah dengan guru menghuraikan kitab tafsir kemudian pelajar mendengar, menyemak dan mencatat nota. Hal ini membuktikan bahawa pendekatan pembacaan teks dan syarahan masih digunakan dan tiada kajian tentang inovasi pengajian tafsir di masjid.

Selain itu, analisis sorotan mendapati bahawa kajian mengenai pengajian tafsir di institusi bukan formal hanya tertumpu kepada kajian terhadap pondok dan masjid. Pusat pembelajaran umum yang merupakan salah satu institusi bukan formal belum mendapat tempat dalam kajian akademik. Hal ini perlu diberi perhatian kerana terdapat institusi pembelajaran umum yang mampu memberi kefahaman tafsir al-Quran yang baik kepada masyarakat seperti Tadabbur Centre (Facebook Tadabbur Centre, t.th.).

Pengajian tafsir di institusi formal telah melalui perkembangan yang cukup baik. Sukatan bagi tafsir di dalam mata pelajaran di sekolah semakin ditambah baik. Berdasarkan kajian Ismail Awang (1983), murid-murid diajar menghafal dan mentafsir ayat al-Quran bermula darjah 1 hingga tingkatan 5 sekolah menengah. Pengajian tafsir di sekolah menengah mempunyai silibus beraneka surah dan lebih diberi penekanan tafsir berbanding hafalan. Menurut Azmil et al. (2018) pengajian tafsir al-

Quran di peringkat menengah kini dilaksanakan dengan sukatan KBSM dalam komponen Tilawah al-Quran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan komponen Pengajian al-Quran dalam mata pelajaran Pendidikan Quran Sunnah. Ini membuktikan bahawa terdapat kemajuan dalam pelaksanaan pengajian tafsir di institusi sekolah.

Di samping itu, analisis sorotan mendapati kajian terkini lebih cenderung berfokus kepada pendekatan pengajaran dan pembelajaran berbanding kajian-kajian terdahulu berfokus kepada perkembangan pengajian tafsir. Berdasarkan kajian Norullisza et al. (2018); Nasyrudin et al. (2020) pembelajaran tafsir di institusi pengajian tinggi telah mempunyai inovasi dengan teknik pengajaran yang pelbagai seperti e-learning, lakonan dan lain-lain. Manakala kajian Ismail Awang (1983); Mustaffa (2009) pula mengetengahkan perkembangan pengajian tafsir di institusi pengajian tinggi yang bermula dengan penubuhan Akademi Islam Universiti Malaya yang bernama Kolej Yayasan Islam Malaya pada 1955 seterusnya Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Sorotan kajian juga mendapati, pengajian tafsir di institusi mampu memberi keberkesanan yang baik kepada masyarakat. Seiring dengan itu, pengajian tafsir dalam media baharu juga mampu memberi impak yang baik kepada masyarakat dari sudut kognitif, afektif dan psikomotor. Dari sudut kognitif, pendengar mendapat ilmu pengetahuan agama yang terkandung di dalam al-Quran. Contohnya, pengajian tafsir oleh Nouman Ali Khan melalui Youtube yang mampu memberi informasi agama yang berguna untuk masyarakat aplikasi dalam kehidupan (Lia, 2020). Impak dari sudut afektif pula ialah memberi kesan kepada emosi pendengar. Sebagai contoh, pendengar menyatakan bahawa dirinya tenang dan lebih dekat dengan Allah selepas mendengar tafsiran daripada Nouman Ali Khan berkaitan tajuk barakah (Lia, 2020). Manakala impak psikomotor ialah kesan yang mampu memberi motivasi kepada pendengar untuk berubah menjadi lebih baik. Contohnya, seorang pendengar pengajian tafsir Nouman Ali Khan berkaitan barakah telah meninggalkan kerjaya idamannya kerana kerjaya tersebut merosakkan akidah dan mengganggu barakahnya (Azwar, 2020).

Media baharu kini telah menjadi satu platform pilihan masyarakat untuk merujuk ilmu tafsir al-Quran (Nafiisatuzzahro', 2018). Media baharu turut dikenali sebagai media sosial (Yassinta et al., 2022). Antara media sosial yang digunakan bagi pengajian tafsir ialah Youtube. Ia merupakan salah satu media sosial yang menjadi jambatan kemudahan bagi pencarian tafsir hanya dengan menaip kata kunci tajuk tafsir tertentu di ruang enjin carian (Nafiisatuzzahro', 2018). Selain itu, Instagram dan Facebook turut menjadi platform media sosial yang boleh digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran tafsir tanpa perlu bersemuka (Roudlotul, 2021; Wildan, 2017). Laman web juga menjadi wadah media baharu yang digunakan untuk memahami tafsir seperti tafsirweb. Ia menyediakan ruang rujukan penterjemahan tafsir daripada kitab-kitab tafsir Arab tertentu untuk masyarakat (Rifai, 2020).

Antara individu yang giat menjalankan pengajian tafsir atas talian melalui media baharu ialah Nouman Ali Khan. Beliau memanfaatkan platform Youtube melalui channel Bayyinah Institute dan Quran Weekly bermula tahun 2009 (Lia, 2020; Azwar, 2020). Selain dunia Barat, di Indonesia juga terdapat individu yang menyampaikan pengajian tafsir menggunakan media baharu seperti Ustaz Muhammad Zulkifli Muhammad Ali, Hanan Attaki dan Gus Baha di Youtube serta Salman Harun di Facebook (Aufa & Novizal, 2022; Laili, 2020; Wildan, 2017; Yassinta et al., 2022). Di Malaysia juga terdapat beberapa pendakwah selebriti yang telah

memanfaatkan medium ini dengan menyampaikan pengajian tafsir di Youtube seperti Dato' Dr Danial Zainal Abidin, Ustaz Dato' Dr Zahazan Mohamed dan Ustaz Don Danial Don Biyajid (Monika & Zaim, 2018). Selain itu, di era pandemik yang lalu Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang juga telah memanfaatkan platform media sosial yang pelbagai dalam menyampaikan kuliah tafsir (Syamimi & Najah Nadiah, 2021). Berdasarkan sorotan kajian berkenaan pengajian tafsir dalam media baharu ini, ia telah dipelopori oleh pengkaji dari Indonesia. Manakala di Malaysia, masih kurang kajian yang mengetengahkan pengajian tafsir di media sosial walaupun terdapat ramai tokoh yang memanfaatkan media sosial untuk tafsir.

5.0 Kesimpulan

Kajian perkembangan pengajian tafsir di Malaysia telah melalui evolusi yang baik melalui kajian di institusi formal iaitu sekolah dan institusi pengajian tinggi serta di institusi bukan formal iaitu pondok dan masjid. Arus perkembangan kajian ini juga mula meluas dalam bidang media baharu. Namun masih terdapat kelompongan kajian pengajian tafsir ini yang perlu diambil perhatian oleh penyelidik iaitu isu pendekatan syarahan yang masih digunakan di masjid walaupun ia tidak mengikut arus semasa. Seterusnya kajian terhadap pusat pembelajaran umum sebagai institusi bukan formal yang menjalankan pengajian tafsir perlu dilaksanakan oleh penyelidik. Akhir sekali, pengajian tafsir di media baharu yang sudah meluas di Malaysia memerlukan kajian untuk melihat sejauh mana keberkesanan medium pengajaran tersebut.

Rujukan

- Achmad Rifai. (2020). Tafsirweb: Digitalization of Quranic Interpretation and Democratization of Religious Sources in Indonesia. *Jurnal At-Tibyan: Jurnal Ilmu Alquran Dan Tafsir*, 5(2), 152–170. <https://doi.org/10.32505/jurnal>
- Aufa Dzakiyyah Rahmi, & Novizal Wendry. (2022). Tafsir dan New Media Studi tentang Ayat Iman Menurut Hanan Attaki. *Jurnal Ulunnuha*, 11(2), 150–167. <https://www.YouTube.com/c/HananAttaki>
- Azmil Hashim, Nazirul Izzati Ani, & Mohd Marzuqi Abdul Rahim. (2018). Strategi Pengajaran Tafsir Al-Quran dalam kalangan Guru Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 10(2), 1–9.
- Facebook Tadabbur Centre. (n.d.). *Reviews*. Retrieved April 4, 2023, from <https://www.facebook.com/TadabburCentre/reviews>
- Hayrol Azril Mohamed Shaffril, Samsul Farid Samsuddin, & Asnarulkhadi Abu Samah. (2021). The ABC of systematic literature review: the basic methodological guidance for beginners. *Quality and Quantity*, 55(4), 1319–1346. <https://doi.org/10.1007/s11135-020-01059-6>
- Haziyah Hussin, & Latifah Abdul Majid. (2013). Early Development of Quranic Exegesis in Malaysia. In *International Journal of Asian Social Science* (Vol. 3, Issue 8). <http://www.aessweb.com/journal-detail.php?id=5007>
- Ismail Awang. (1983). *Pengajian dan Pengajaran al-Quran di Kelantan Selepas Merdeka* [Tesis Sarjana]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Bin Yusoff. (1995). *Perkembangan Pengajian dan Penulisan Tafsir di Malaysia* [Disertasi Sarjana]. Universiti Malaya.
- Lia Qurrato Aini. (2020). Perspektif Barakah dalam Kesarjanaan Muslim Barat: Studi Atas Pemikiran Nouman Ali Khan di Youtube. *Mushaf: Jurnal Tafsir Berwawasan Keindonesiaan*, 1(1), 53–75.

- Moh. Azwar Hairul. (2020). Tafsir Al-Qur'an di Youtube. *Jurnal Al-Fanar*, 2(2), 197–213. <https://doi.org/10.33511/alfanar.v2n2.197-213>
- Mohammad Haziq Mohd Isnin, & Abdul Hafiz Abdullah. (2020a). Metodologi Pengajian Tafsir al-Quran di Pondok Kiyai Haji Sohali Solihin (KHSS), Merlong, Rengit, Batu Pahat Johor. In Abdul Mukti Baharudin, Mohd Hasbi al-Shiddique bin Ahmad, Zaidul Amin Suffian Ahmad, & Wan Fakhrul Razi bin Wan Mohamad (Eds.), *Isu-isu Kontemporari dalam Pengajian al-Quran & al-Sunnah* (pp. 71–78). Penerbit FPPI Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mohammad Haziq Mohd Isnin, & Abdul Hafiz Abdullah. (2020b). Pendidikan Pondok Sebagai Sebuah Institusi Pengajian Tafsir al-Quran di Negeri Johor. In Baharom Kassim, Mustaffa Abdullah, Abd. Karim Ali, & Nor 'Azzah Kamri (Eds.), *Pemberdayaan Jaringan Strategik Ummah: Melakar Kecemerlangan Masa Hadapan* (pp. 1–20). Persatuan Ulama' Malaysia.
- Mohammad Haziq Mohd Isnin, & Abdul Hafiz Abdullah. (2021a). Pendidikan Pengajian Tafsir al-Quran di Institusi Pondok dan Masjid Negeri Johor Terhadap Pembangunan Modal Insan Cemerlang. In Baharom Kassim, Abd Karim Ali, Muhammad Alihanafiah Norasid, Mumammad Ikhlas Rosele, & Muhammad Safwan Harun (Eds.), *Keluarga Malaysia dan Perpaduan Umat* (pp. 581–597). Persatuan Ulama Malaysia.
- Mohammad Haziq Mohd Isnin, & Abdul Hafiz Abdullah. (2021b). Pengajian Tafsir Al-Quran Di Masjid Negeri Johor Dalam Membentuk Peribadi Umat Islam. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 394–407. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol26no2.425>
- Monika @ Munirah Abd Razzak, & Nik Mohd Zaim Ab Rahim. (2017). Aplikasi Media dalam Mentadabbur al-Quran: Kajian Surah al-Ikhlas oleh Nouman Ali Khan. *Seminar Antarabangsa Sirah Nabawi & Pemikiran ISRA*, 1–11. <http://conference.kuis.edu.my/isra/eprosiding/pdf/001-ISRA-2017.pdf>
- Monika @ Munirah Abd Razzak, & Nik Mohd Zaim Ab Rahim. (2018). Pengajian Tafsir Melalui Media Baru: Analisis Metode Dato' Dr Danial Zainal Abidin. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Special Issue*, 531–541.
- Mustaffa Abdullah. (2009). *Khazanah Tafsir di Malaysia*. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Nafiisatuzzahro'. (2018). Transformasi Tafsir al-Quran di Era Media Baru: Berbagai Bentuk Tafsir al-Quran Audiovisual di Youtube. *Hermeneutik: Jurnal Ilmu al-Quran Dan Tafsir*, 12(2), 3265.
- Noor Najihan Jaafar, & Hj. Norakyairee Hj. Mohd Raus. (2014). *Pelaksanaan Kelas Pengajian Tafsir Al-Quran & Hadith: Kajian Terhadap Beberapa Masjid Terpilih Sekitar Nilai dan Wilayah Persekutuan*. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/11534>
- Norakyairee Mohd Raus. (2006). *Tafsir al-Quran Studies in Selected Mosques in Kuala Lumpur* [Dissertation of Master]. International Islamic University Malaysia.
- Norullisza Khosim, Hayati Hussin, & Abdulloh Salaeh. (2018). Lima Bentuk Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Tafsir Maudu'i dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. *Journal of Fatwa Management and Research*, 645–659.
- Nur Laili Alfi Syarifah. (2020). *Tafsir Audiovisual: Kajian Penafsiran Gus Baha di Channel Youtube al-Muhibbiin dan Implikasinya Bagi Pemirsa* [Skripsi]. Institut Ilmu al-Quran (IIQ).

- Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Siti Mursyidah Mohd Zin, & Nur Fatimah Zainuddin. (2021). Metode Pengajian Tafsir Al-Quran Institusi Pondok Di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(Special Issue), 50–58.
- Omar bin Abu Khari. (2006). *Pengajian Tafsir di Institusi Pondok: Kajian Terhadap Tiga Buah Pondok di Negeri Kedah* [Disertasi Sarjana Pengajian Islam]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roudlotul Jannah. (2021). *Tafsir al-Quran Media Sosial: Studi Model Tafsir Pada Akun Instagram @Quranreview* [Skripsi]. UIN Maulana Malik Ibrahim.
- Roudlotul Jannah, & Ali Hamdan. (2021). Tafsir al-Quran Media Sosial: Kajian Terhadap Tafsir Pada Akun Instagram @Quranreview dan Implikasinya Terhadap Studi al-Quran. *Mashahif: Journal of Quran and Hadits Studies*, 1(1), 1–15. <https://doi.org/10.22515/ajpif.v16i1.1644>
- Sachinkumar B.Patil. (2015). Academia.edu: The Social Networking Platform for Academics. *Proceeding of UGC Sponsored National Level Workshop Organized*, 1–11.
- Schugurensky, D. (2000). The Forms of Informal Learning: Towards Conceptualization of The Field. *WALL Working Paper*, 19, 1–8. <https://tspace.library.utoronto.ca/bitstream/1807/2733/2/19formsofinformal.pdf>
- Siti Najihah Binti Jamal. (n.d.). *Pembelajaran Informal (Pembelajaran di Luar Sekolah/Pembelajaran Persekitaran)*. Retrieved April 12, 2023, from https://www.academia.edu/30520163/Pembelajaran_Informal_Pembelajaran_Di_Luar_Sekolah_Pembelajaran_Persekitaran
- Syamimi Amira Shamsul Baharin, & Najah Nadiyah Amran. (2021). Kepelbagaian Medium Penyampaian Dakwah Abdul Hadi Awang Semasa Pandemik. *Jurnal Al-Turath*, 6(2), 2738. <http://spaj.ukm.my/jalturath>
- Syarif Hidayat. (2022). Ragam, Problematika dan Masa Depan Tafsir al-Quran Digital. *SALIHA*, 5(1), 115–129.
- Wan Fakhrul Razi Wan Mohamad, Mohd Manawi Mohd Akib, & Abdul Azis Awang. (2019). Pengajian Tafsir al-Quran di Pondok Moden Bachok: Satu Tinjauan Awal. *International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD)*, 262–269.
- Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Bunyamin Abdul Rahman, Haziyah Husin, & Hamdi Ishak. (2020). Persepsi Pelajar Terhadap Pengajian dan Pembelajaran Tafsir di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 6(1), 10–21.
- Wildan Imaduddin Muhammad. (2017). Facebook Sebagai Media Baru Tafsir al-Quran di Indonesia (Studi Atas Penafsiran al-Qur'an Salman Harun). *Maghza*, 2(2), 69–80.
- Yassinta Ananda, Novizal Wendry, & Lukmanul Hakim. (2022). Tafsir dan New Media: Studi Penafsiran Ustadz Zulkifli Muhammad Ali di Youtube. *Al-Manar: Jurnal Kajian al-Quran Dan Hadits*, 8(2), 1–26.
- Yuyun Affandi, Agus Darmuki, & Ahmad Hariyadi. (2022). The Evaluation of JIDI (Jigsaw Discovery) Learning Model in the Course of Quran Tafsir. *International Journal of Instruction*, 15(1), 799–820. <https://doi.org/10.29333/iji.2022.15146a>
- Zalina Binti Ab Majid. (2010). *Keberkesanan Pengajian Tafsir dalam Kelas Takmir di Masjid Daerah Alor Gajah Melaka* [Disertasi Sarjana Pengajian Islam]. Universiti Kebangsaan Malaysia.